

Cadangan gagal dijayakan jika pemimpin politik hanya retorik

BANGI 9 Okt. - Sekolah satu aliran tidak akan menjadi realiti sekiranya tiada keazaman politik untuk berbuat demikian.

Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff berpendapat, usaha tersebut akan gagal selagi pemimpin politik hanya berpegang kepada kata-kata retorik dan tidak benar-benar atau bersungguh untuk melakukannya.

"Ini bukan soal bermain politik, harus ada tanggungjawab untuk menanam benih bagi melaahirkan generasi 1Malaysia melalui sekolah satu aliran.

"Sekiranya Tun Mahathir meninggalkan Menara Berkembar Petronas sebagai legasinya, maka Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga boleh berbuat demikian dengan meninggalkan sekolah satu aliran sebagai simbol 1Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Bicara Persada Ke-23 Sekolah Satu Aliran: Keperluan dan Kemungkinan di sini hari ini.



Sekiranya Tun Mahathir meninggalkan Menara Berkembar Petronas sebagai legasinya, maka Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak juga boleh berbuat demikian dengan meninggalkan sekolah satu aliran sebagai simbol 1Malaysia."

DR. MOHAMMAD AGUS YUSOFF

Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia

Turut menjadi ahli panel dalam forum itu ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd. Noor Abdullah; Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong dan Pensyarah Kanan Jabatan Sains Sosial dan Pembangunan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Gill.

Mohammad Agus berkata, tiada perkara yang boleh menghalang sekolah satu aliran daripada menjadi realiti termasuk Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, laporan-laporan pendidikan dan Akta Pendidikan

1996 yang sering menjadi modal pihak yang menentang usaha itu.

Jelasnya, yang menjadi halangan cuma persepsi negatif khususnya daripada masyarakat bukan Melayu yang tidak percaya kepada prestasi dan kewibawaan sekolah kebangsaan.

"Kita faham, ini berlaku kerana mereka mahukan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Kalau begitu, kita perbaiki sistem pendidikan kita, tingkatkan kemudahan, saya yakin selepas itu, semua orang bukan Melayu akan berebut-rebut menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan," ujarnya.